

# SEORANG NEGARAWAN DENGAN IMPIANNYA

UM 15 OCT 1990

"Kita mesti menganggap segala kejayaan yang dicapai adalah kejayaan kita di dalam satu negara. Kita mesti berani dan bersedia untuk berdiri sama tinggi dan duduk sama rata dengan bangsa negara-negara maju di seluruh dunia... Saya mahu mereka menghormati Malaysia" (Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, 23hb Oktober, 1981) (P)

▲ Malaysia melangkah ke dekad 80-an dengan impian seorang negarawan.

Di dalam impian beliau, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad melihat Malaysia yang sebelumnya tidak berapa dikenali namanya, membangun cemerlang sebagai sebuah negara yang dihormati oleh dunia.

Beliau adalah seorang pemimpin yang tidak akan berganjak daripada dasar-dasar yang telah ditentukan walaupun ianya akan menerima berbagai-bagai kritikan dari kiri dan kanan jika beliau yakin segalanya akan membawa kemajuan cemerlang untuk rakyat di seluruh negara.